

IMPAK BULI SIBER TERHADAP EMOSI MAHASISWA UPSI

AZIZUL AZWADEY BIN AZIB

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



IMPAK BULI SIBER TERHADAP EMOSI MAHASISWA UPSI

AZIZUL AZWADEY BIN AZIB



PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN MALAYSIA DENGAN
PENDIDIKAN

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



PERAKUAN

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sepenuhnya kecuali sesetengah ringkasan dan pernyataan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Jun 2022

.....

AZIZUL AZWADEY BIN AZIB

D20182086418



DEDIKASI

Dituju khas buat bondaku tercinta,

*Siti Ramlah Binti Ismail yang tidak pernah jemu mengutuskan doa-doanya untuk kejayaanmu
dan sentiasa memahami keperluanmu sebagai anak dan mahasiswa.*

Buat abah yang tercinta,

*Azib Bin Omar jasmu selama ini sangat bermakna dan semoga abah sentiasa diberikan
kesihatan serta rahmat Allah s.w.t sentiasa*



Untuk saudara-saudara kandungmu,

*Rizal Ratman Azibi, Azaharuddin, Jeffry, Siti Yusnida, Azizul Fahizi, Azizul Azuar yang
sentiasa mendoakan adikmu yang kadangkala nakal dan memberi bantuan serta tidak berkira
apabila berkumpul kerana kehidupan adikmu yang sentiasa sibuk sebagai mahasiswa.*

Juga terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia,

*Dr Norhafiza Binti Mohd Hed yang sentiasa sabar memberikan bimbingan kepadaku
sepanjang menyiapkan tugas ini.*

Jasa hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan limpah kurnianya yang telah memberikan saya kesihatan yang baik, kesebaran dan semangat untuk saya menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Dengan hati yang tulus ikhlas, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia, Dr Norhafiza binti Mohd Hed atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang yang diberi sepanjang tempoh melaksanakan Penulisan Ilmiah ini.

Selain itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya dedikasikan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Pengajian Malaysia di atas curahan ilmu yang diberikan sepanjang pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Buat kedua-dua insan istimewa, ucapan terima kasih yang tulus ikhlas saya tujukan kepada abah, Azib bin Omar dan mak, Siti Ramlah binti Ismail serta ahli keluarga dan para sahabat yang sentiasa mendoakan dan memberikan kata-kata semangat serta nasihat kepada saya sepanjang kajian ini disempurnakan.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang baik daripada semua mahasiswa UPSI yang dipilih sebagai responden dalam menjayakan kajian ilmiah ini. Akhir sekali, ribuan terima kasih yang tak terhingga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam Projek Tahun Akhir ini. Terima kasih saya ucapkan.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap dan jenis buli siber yang dihadapi oleh mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)), sejauhmanakah impak buli siber terhadap emosi mahasiswa UPSI serta apakah solusi dan langkah bagi mengatasi masalah buli siber. Sampel bagi kajian ini adalah seramai 200 orang yang dipilih dalam kalangan mahasiswa UPSI. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kajian kuantitatif dengan menggunakan pendekatan tinjauan. Instrumen kajian yang digunakan ialah melalui pengedaran borang selidik dan data diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil kajian ini mendapati impak buli siber yang dihadapi oleh mahasiswa berada pada tahap yang tinggi. Hasil kajian juga mendapati hanya terdapat beberapa kesan negatif dari aspek emosi mahasiswa akibat buli siber seperti menghadapi kesukaran untuk tidur di waktu malam dan trauma dengan orang sekeliling. Malah, keputusan hasil kajian juga, solusi dan langkah bagi mengatasi masalah buli siber yang paling dipersetujui oleh mahasiswa dalam membendung masalah ini adalah dengan melaporkan kejadian kepada pihak berkuasa. Hal ini demikian kerana pihak berkuasa perlu mengkaji semula undang-undang buli siber bagi tujuan penambahbaikan, etika penggunaan media sosial perlu dimasukkan dalam sukatan pelajaran dan kerjasama antara kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) perlu dipergiatkan lagi bagi memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan buli siber. Oleh itu, menunjukkan dapatan kajian ini diharap dapat membantu masyarakat untuk meningkatkan kesedaran tentang bahayanya buli siber.



ABSTRACT

This study aims to identify the level and type of cyber bullying faced by Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) students), the extent of the impact of cyber bullying on the emotions of UPSI students and what are the solutions and measures to overcome the problem of cyber bullying. The sample for this study is a total of 200 people selected from UPSI students. The design of this study is to use a quantitative study using a survey approach. The research instrument used is through the distribution of questionnaires and the data obtained is analyzed using descriptive statistics. The results of this study found that the impact of cyber bullying faced by students is at a high level. The results of the study also found that there are only a few negative effects from the emotional aspects of students due to cyber bullying such as having difficulty sleeping at night and trauma with the people around them. In fact, the results of the study also, the solution and steps to overcome the problem of cyber bullying that the students most agree with in curbing this problem is to report the incident to the authorities. This is because the authorities need to review the cyberbullying law for the purpose of improvement, the ethics of using social media need to be included in the syllabus and cooperation between the government and non-government (NGOs) needs to be intensified to give awareness to the public about cyberbullying. Therefore, showing the findings of this study is hoped to help the community to raise awareness about the dangers of cyber bullying.



ISI KANDUNGAN

PERKARA	Muka Surat
PERAKUAN	I
DEDIKASI	ii
PENGHARGAAN	III
ABSTRAK	IV-V
KANDUNGAN	VI
SENARAI JADUAL	X
SENARAI RAJAH	XIII
SENARAI SINGKATAN	XIV
 BAB 1 : PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Persoalan Kajian	10
1.4 Obektif Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Skop Kajian	12
1.7 Definisi Istilah	15
1.7.1 Buli Siber	15
1.7.2 Mahasiswa	16
1.7.2 Sistem Internet	
1.8 Organisasi Bab	17
 BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	 19
2.1 Pengenalan	19
2.2 Ciri dan Kesan Buli Siber Terhadap Pelajar Sekolah	20
2.3 Ciri dan Kesan Buli Siber Terhadap Mahasiswa IPTA	24





2.4 Amalan keselamatan siber pengguna internet terhadap buli siber	26
Pornografi, emel phishing dan pembelian online	
2.5 Teori	30
2.6 Kerangka Konsep	33
2.7 Kesimpulan	34

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN 36

3.0 Pengenalan	36
3.1 Kaedah Pengumpulan Data	36
3.1.1 Pustaka	37
3.1.2 Internet	37
3.2 Reka Bentuk Kajian	38
3.2.1 Kerangka Konseptual	38
3.2.2 Kajian Tinjauan	38
3.3 Instrumen Kajian	38
3.3.1 Soal Selidik	39
3.4 Persampelan	41
3.5 Kaedah Penganalisis Data	42
3.6 Rumusan	43

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 44

4.0 Pengenalan	44
4.1 Butiran Demografi Responden	44
4.1.1 Jantina	44
4.1.2 Umur	45
4.1.3 Etnik	47
4.1.4 Agama	48
4.1.5 Semester	49
4.1.6 Pendidikan	50
4.1.7 Tempat Tinggal	51
4.1.8 Kawasan Penempatan	52
4.1.9 Fakulti	53





4.2 Apakah Tahap Dan Jenis Buli Siber Yang Dihadapi Oleh Mahasiswa UPSI	55
4.2.1 Mesej yang mengganggu	56
4.2.2 Maklumat peribadi dikongsi tanpa persetujuan	57
4.2.3 Maklumat peribadi disalahgunakan untuk tujuan penyamaran (fake account)	58
4.2.4 Memuatnaik perkara yang tidak senonoh menggunakan mana-mana medium gajet pintar	59
4.2.5 Dipulaukan dari sesuatu kumpulan internet dengan sengaja	60
4.2.6 Gangguan yang berterusan secara maya	61
4.2.7 Body shaming online	62
4.2.8 Penyebaran gambar mangsa yang tidak senonoh sama ada gambar original mahupun disunting (sexting)	63
4.2.9 Mengeksploitasi mangsa menggunakan platform maya (Grooming)	64
4.2.10 Menerima ancaman menggunakan mana-mana platform media sosial	65
4.2.11 Skor min dan tahap interpretasi bagi apakah tahap dan jenis buli siber yang dihadapi oleh mahasiswa UPSI	66
4.3 Sejauhmanakah impak buli siber terhadap emosi mahasiswa UPSI	69
4.3.1 Mengambil berat tentang komen yang diberikan oleh pengikut di media sosial	69
4.3.2 Memberikan komen balas kepada pengikut di media sosial	70
4.3.3 Cepat marah apabila menerima komen negatif	71
4.3.4 Mengalami masalah gangguan sukar tidur	72
4.3.5 Hilang selera makan	73
4.3.6 Menangis secara tiba-tiba	74
4.3.7 Trauma apabila bertemu dengan orang sekeliling	75
4.3.8 Mampu mengawal emosi dengan baik	76
4.3.9 Mempunyai kesedaran dalam berkongsi maklumat di laman sosial	77
4.3.10 Menghindari daripada memberi respon kepada komen negatif	78
4.3.11 Mendapatkan khidmat kaunselor bagi menangani emosi	79
4.3.12 Menyertai program berkaitan dengan mangsa buli siber	80
4.3.13 Memberanikan diri untuk menegur pembuli agar menghentikan gangguan	81
4.3.14 Menyekat akaun pembuli di semua media sosial	82
4.3.15 Skor min dan tahap interpretasi bagi sejauhmanakah impak	83



buli siber terhadap emosi mahasiswa UPSI

4.4 Apakah solusi dan langkah bagi mengatasi masalah buli siber	87
4.4.1 Melaporkan kejadian kepada pihak berkuasa	87
4.4.2 Tidak melayan provokasi daripada pembuli	88
4.4.3 Mangsa boleh berhubung terus dengan pembuli secara langsung dan meminta untuk mereka berhenti	89
4.4.4 Mangsa juga boleh menyekat akaun pembuli di semua media social	90
4.4.5 Hadkan akses ke Internet dengan menyekat laman web tertentu	91
4.4.6 Galakkan pengguna untuk menukar kata laluan secara berkala	92
4.4.7 Menapis dahulu permintaan untuk menjadi kawan dalam media sosial sebelum berkawan	93
4.4.8 Berjumpa kaunseling untuk mendapatkan nasihat	94
4.4.9 Menerapkan Pendidikan bersifat subjek yang bersifat kemanusiaan	95
4.4.10 Ibu bapa berperanan menerapkan nilai murni dalam diri anak-anak	96
4.4.11 Skor min dan tahap interpretasi bagi solusi dan langkah bagi mengatasi masalah buli siber	97

4.5 Rumusan

100

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	102
5.1 Pengenalan	102
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	102
5.2.1 Apakah tahap dan jenis buli siber yang dihadapi oleh mahasiswa UPSI	102
5.2.2 Sejauhmanakah impak buli siber terhadap emosi mahasiswa UPSI	104
5.2.3 Apakah solusi dan langkah bagi mengatasi masalah buli siber	106
5.3 Cadangan	108
5.3.1 Batasan dan Cadangan bagi Kajian Masa Depan	108
5.3.2 Cadangan Kepada Pihak Berkepentingan	110
5.4 Rumusan	111

RUJUKAN

112

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
4.1	Taburan Kekurangan Responden Mengikut Jantina	45
4.2	Taburan Kekurangan Responden Mengikut Umur	46
4.3	Taburan Kekurangan Responden Mengikut Etnik	47
4.4	Taburan Kekurangan Responden Mengikut Agama	48
4.5	Taburan Kekurangan Responden Mengikut Semester	49
4.6	Taburan Kekurangan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	50
4.7	Taburan Kekurangan Responden Mengikut Tempat Tinggal	51
4.8	Taburan Kekurangan Responden Mengikut Kawasan Penempatan	52
4.9	Taburan Kekurangan Responden Mengikut Fakulti	53
4.10	Jadual Interpretasi Skor Min Nunally	53
4.11	Taburan responden berdasarkan mesej yang mengganggu	56
4.12	Taburan responden berdasarkan maklumat peribadi dikongsikan tanpa persetujuan	57
4.13	Taburan responden berdasarkan maklumat peribadi disalahgunakan untuk tujuan penyamaran (fake account)	58
4.14	Taburan responden berdasarkan memuatnaik perkara yang tidak senonoh menggunakan mana-mana medium gajet pintar	59
4.15	Taburan kekurangan responden berdasarkan dipulaukan dari sesuatu kumpulan internet dengan sengaja	60
4.16	Taburan responden berdasarkan gangguan yang berterusan secara maya	61
4.17	Taburan responden berdasarkan body shaming online	62
4.18	Taburan responden berdasarkan penyebaran gambar mangsa yang tidak senonoh sama ada gambar original mahupun disunting (sexting)	63
4.19	Taburan responden berdasarkan mengeksploitasi mangsa menggunakan platform maya (Grooming)	64
4.20	Taburan responden berdasarkan menerima ancaman menggunakan mana-mana platform media sosial	65





4.21	Skor min dan Tahap Interpretasi bagi tahap dan jenis buli siber yang dihadapi oleh mahasiswa UPSI	67
4.22	Taburan responden berdasarkan mengambil berat tentang komen yang diberikan oleh pengikut di media sosial	70
4.23	Taburan responden berdasarkan memberikan komen balas kepada pengikut di media sosial	71
4.24	Taburan responden berdasarkan cepat marah apabila menerima komen negatif	72
4.25	Taburan responden berdasarkan mengalami masalah gangguan sukar tidur	73
4.26	Taburan responden berdasarkan hilang selera makan	74
4.27	Taburan responden berdasarkan menangis secara tiba-tiba	75
4.28	Taburan responden berdasarkan trauma apabila bertemu dengan orang sekeliling	76
4.29	Taburan responden berdasarkan mampu mengawal emosi dengan baik	77
4.30	Taburan responden berdasarkan mempunyai kesedaran dalam berkongsi maklumat di laman sosial	78
4.31	Taburan responden berdasarkan menghindari daripada memberi respon kepada komen negatif	79
4.32	Taburan responden berdasarkan mendapatkan khidmat kaunselor bagi menangani emosi	80
4.33	Taburan responden berdasarkan menyertai program berkaitan dengan mangsa buli siber	81
4.34	Taburan responden berdasarkan memberanikan diri untuk menegur pembuli agar menghentikan gangguan	82
4.35	Taburan responden berdasarkan menyekat akaun pembuli di semua media sosial	83
4.36	Skor min dan Tahap Interpretasi bagi sejauhmanakah impak buli siber terhadap emosi mahasiswa UPSI	85





4.37	Taburan responden berdasarkan melaporkan kejadian kepada pihak berkuasa	88
4.38	Taburan responden berdasarkan tidak melayan provokasi daripada pembuli	89
4.39	Taburan responden berdasarkan mangsa boleh berhubung terus dengan pembuli secara langsung dan meminta untuk mereka berhenti	90
4.40	Taburan responden berdasarkan mangsa juga boleh menyekat akaun pembuli di semua media social	91
4.41	Taburan responden berdasarkan hadkan akses ke Internet dengan menyekat laman web tertentu	92
4.42	Taburan responden berdasarkan galakkan pengguna untuk menukar kata laluan secara berkala	93
4.43	Taburan responden berdasarkan menapis dahulu permintaan untuk menjadi kawan dalam media sosial sebelum berkawan	94
4.44	Taburan responden berdasarkan berjumpa kaunseling untuk mendapatkan nasihat	95
4.45	Taburan responden berdasarkan menerapkan Pendidikan bersifat subjek yang bersifat kemanusiaan	96
4.46	Taburan responden berdasarkan ibu bapa berperanan menerapkan nilai murni dalam diri anak-anak	97
4.47	Skor min dan Tahap Interpretasi bagi solusi dan langkah bagi mengatasi masalah buli siber	98



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.6.1	Peta Lokasi UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah	14
1.6.2	Peta Lokasi UPSI, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	14
3.2	Kerangka Konseptual	38
4.1	Jantina	45
4.2	Umur	46
4.3	Etnik	47
4.4	Agama	48
4.5	Semester	49
4.6	Pendidikan	50
4.7	Tempat Tinggal	51
4.8	Kawasan Penempatan	52
4.9	Fakulti	54



SENARAI SINGKATAN

CSM	<i>Cyber Security Malaysia</i>
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia Malaysia
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JAPEN	Jabatan Penerangan
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCM	Industri Komunikasi dan Multimedia
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
MyCERT	Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia
NGO	Badan Bukan Kerajaan
PDRM	Polis Di-Raja Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SMS	<i>Short Message Service</i>
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
UEL	Ustaz Ebit Liew
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
VC	Vice Chancellor



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

Borang Soal Selidik

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Buli siber didefinisikan sebagai penggunaan komunikasi berasaskan teknologi termasuk telefon selular, emel, mesej segera, dan jaringan sosial, yang bertujuan menimbulkan gangguan atau ugutan terhadap individu melalui mesej atau ekspresi secara dalam talian (Brady, 2010). Kebiasaannya, pelaku yang tidak dikenali di ruang siber menghantar kandungan mesej yang bertujuan melukakan atau bertujuan menghina dan boleh menjatuhkan maruah mangsa. Pelaku juga merasa bebas untuk memperkatakan apa sahaja

perkataan yang tidak boleh diterima dalam interaksi interpersonal biasa. Buli siber juga adalah sejenis buli yang dibawa melalui cara elektronik (Robin M. Kowalski et., 2016). Buli siber di negara ini berada pada tahap yang serius dan masyarakat perlu bersedia menghadapi ancamannya. Isu yang timbul daripada penyalahgunaan media sosial adalah kes gangguan buli siber terutamanya dalam kalangan remaja dan mahasiswa. Fenomena buli siber juga memberikan kesan yang sangat negatif kepada mangsa terutamanya dari sudut emosi. Hal ini mempengaruhi emosi mangsa buli sehingga menyebabkan mangsa mengalami kesedihan, kemurungan, ketakutan dan kemarahan. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang dibuat oleh Dianne L. Hoff & Sidney N. Mitchell (2008) yang menunjukkan bahawa kemarahan mencatatkan peratusan yang paling tinggi dan diikuti oleh kemurungan, kesedihan dan ketakutan. Mangsa yang mempunyai tahap kemarahan yang tinggi akan mendorong dirinya berubah menjadi lebih mementingkan diri, mengancam dan mula menyebarkan khabar angin yang jahat. Ini menunjukkan bahawa siber buli sangat memberi kesan yang negatif terhadap pelajar terutamanya dari aspek emosi. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah sangat penting untuk mengkaji impak emosi mahasiswa UPSI dalam masalah buli siber. Di samping itu, mengenalpasti jenis-jenis gangguan yang mahasiswa UPSI terima.

Menghadapi perkembangan teknologi, masalah yang muncul terutama dalam kalangan anak muda adalah adanya buli siber, yang merupakan halangan berteknologi tinggi yang melibatkan penggunaan kata-kata tidak senonoh berulang kali. Buli siber telah diakui sebagai ancaman baru, yang mempengaruhi kesihatan mental kanak-kanak dan orang muda di seluruh dunia. Orang-orang ini mudah terjerumus dalam gejala buli siber kerana mereka mungkin melakukan sesuatu ketika mereka masih muda, tanpa mengira



akibat dari tindakan mereka. Buli siber didefinisikan sebagai penggunaan komunikasi berasaskan teknologi, termasuk telefon bimbit, e-mel, pesanan segera dan rangkaian sosial, yang bertujuan untuk menghasut gangguan atau intimidasi individu melalui pesanan atau ekspresi dalam talian (Brady, 2010). Biasanya, pesalah yang tidak dikenali di ruang siber menghantar kandungan mesej yang bertujuan untuk mencederakan atau menghina dan boleh merosakkan maruah mangsa. Para pelakon juga boleh mengucapkan kata-kata yang tidak dapat diterima dalam komunikasi interpersonal biasa. Di samping itu, dibandingkan dengan buli tatap muka di sekolah, risiko yang diperhatikan oleh guru dan pelajar lain adalah tinggi, tetapi risiko tersebut tidak wujud di dunia maya. Menurut penyelidikan oleh Washington (2014), media elektronik menyediakan persekitaran di mana individu yang tidak dikenali dapat menggertak orang lain pada bila-bila masa sahaja dan di mana sahaja



dengan menyalahgunakan teknologi.



Dengan perkembangan teknologi secara khusus membawa perubahan kepada remaja masa kini dan juga mahasiswa di IPTA juga, ianya menjadikan komputer dan rangkaian sosial sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka. Penggunaan Internet telah menjadi keperluan dan cara hidup baru di kebanyakan komuniti di dunia, termasuk Malaysia. Tanpa Internet, kamera digital, Facebook atau bahkan telefon pintar, sukar untuk membayangkan kehidupan. Teknologi ini membolehkan individu berhubung dengan banyak orang dengan latar belakang, budaya, tradisi dan pandangan dunia yang berbeza. Teknologi sosial biasanya memberi ruang kepada remaja untuk menjalin persahabatan setelah sekolah, tetapi malangnya, ia juga boleh menjadi ruang untuk menyebarkan rasa panik, sabotaj ketakutan, penghinaan, dan lain-lain untuk mensabotaj rakan sosial (Hinduja & Patchin, 2009).



Di samping itu, berdasarkan kajian sebelumnya juga, (Cankaya & Tan, 2010; Eksi, 2012; Tpocu & Erdur-Baker, 2010) menunjukkan bahawa buli siber adalah salah satu bentuk gangguan yang paling biasa, terutama di kalangan orang muda. Buli siber kini telah berlaku dalam skala global, dan insiden ini telah berlaku di kebanyakan negara di dunia, seperti Amerika Syarikat, Kanada, Jepun, Skandinavia dan Inggeris, termasuk Australia dan New Zealand (Accordino & Accordino, 2011). Kajian terhadap 1,438 pelajar sekolah menengah di China mendapati bahawa 34.84% dari mereka mengambil bahagian dalam buli siber, dan pelajar lelaki didapati menjadi pelaku dan mangsa buli (Zhou et al., 2013). Secara amnya, perbezaan antara buli tradisional dan buli siber adalah bahawa buli siber tidak mempunyai batasan fizikal. Tanpa mengetahui siapa pelaku, buli di ruang siber sangat mudah. Tempoh penghantaran ke pendengar juga dapat terjadi dalam jangka waktu yang singkat, dan ia berlaku dengan begitu cepat sehingga tidak dapat dihilangkan dengan mudah. Yang lebih membimbangkan ialah ia akan memberi kesan yang mendalam kepada mangsa, terutama kanak-kanak dan remaja.

Laman rangkaian sosial menyediakan pelbagai kemudahan untuk berkongsi pengalaman kehidupan seharian, berkongsi perasaan, video, foto atau sebagai buku harian di alam maya. Laman rangkaian sosial juga membolehkan remaja menambah hubungan dan sempadan tanpa had (Cetin, Yemen & Peker, 2011). Kewujudan laman sosial yang menarik perhatian kanak-kanak mendedahkan mereka kepada buli siber pada usia dini. Menurut Li (2006), perubahan teknologi mendorong perilaku buruk, seperti pornografi elektronik, kecurian Internet, dan ketagihan Internet, yang semakin mempercepat penyebaran bentuk-bentuk jenayah baru. Kajian Tingkah Laku Pemuda Dalam Talian Global (Microsoft Survey) yang dijalankan pada Januari 2012 ke atas 7,600 kanak-kanak

berusia antara 8 dan 17 tahun dan mendapati bahawa satu pertiga kanak-kanak di Malaysia menjadi mangsa buli siber. Kajian ini juga menunjukkan bahawa ibu bapa Malaysia mempunyai tahap kesedaran mengenai buli siber yang rendah. Hanya 38% responden mengambil berat tentang masalah ini, dan hanya 27% ibu bapa yang bercakap dengan anak-anak mereka mengenai risiko komunikasi dalam talian. Di samping itu, hanya 13% ibu bapa yang bertanya sama ada anak mereka telah dibuli dalam talian, berbanding dengan purata global 30%.

Masalah-masalah yang ada memerlukan perhatian besar dan merupakan syarat yang diperlukan untuk penyelidikan berterusan dalam pelbagai bidang. Menurut kajian Menesini & Spiel (2013), kajian mengenai buli siber bermula sepuluh tahun yang lalu, dan ia membantu menjelaskan fenomena buli siber, terutamanya fenomena yang berkaitan dengan penggunaan Internet dan media mudah alih dan hubungan dengan buli siber.

Walaupun hasil tinjauan nampaknya konsisten sejauh ini, menurutnya, masih terdapat jurang pengetahuan mengenai beberapa isu, seperti proses buli siber, faktor ramalan dan korelasi seperti keperibadian dan faktor sosial, penggunaan ICT, dan penggunaan latar belakang hubungan, keluarga dan sosial media. Mengingat kesejahteraan orang muda di masa depan, adalah penting untuk memahami kesan negatif dari buli siber. Perkembangan teknologi maklumat menuntut adanya kawalan undang-undang yang baru diruang siber, sama sekali berbeza dengan undang-undang yang terpakai di alam nyata. Persempadanan antara undang-undang awam dan undang-undang persendirian, kebangsaan dan antarabangsa, antara negeri dan *self-regulations*, serta metodologi positifis (undang-undang ciptaan manusia) yang telah sekian lama diamalkan adalah tidak memadai untuk menyelesaikan kepelbagaian masalah dalam ruang siber ini. Buli siber atau membuli



dalam talian ini memerlukan perundangan khusus kerana undang-undang mengenai buli siber yang sejak sekian lama ada di beberapa negara tidak meliputi membuli di ruang siber. Sugguhpun ada beberapa negara yang tidak mempunyai akta khusus mengenai buli siber, tetapi sekurang-kurangnya pindaan terhadap undang-undang sedia ada perlu dilakukan bagi mengawal aktiviti ini. Di Malaysia sehingga kini, tiada akta khusus yang diwartakan oleh kerajaan untuk mengawal aktiviti buli siber. Tidak seperti di United Kingdom mahupun Amerika, buli siber di Malaysia tidak ditakrifkan dengan jelas oleh mana-mana undang-undang.

Hanya dua peruntukan ini sahaja yang paling bersesuaian untuk dikaitkan dengan masalah buli siber di Malaysia. Peruntukan ini jelas membuktikan bahawa pembuli siber jika di sabitkan kesalahan akan didenda, tetapi mangsa tidak mendapat pembelaan sewajarnya kerana tiada pampasan diberikan kepadanya. Menerusi peruntukan ini juga tiada penjelasan secara terperinci diberikan tentang hak-hak mangsa untuk membuat tuntutan di mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah tegahan. Sementara itu, Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563) di Malaysia juga tidak menyediakan sebarang peruntukan mengenai kesalahan ini sedangkan masalah ini seringkali dikaitkan dengan kesalahan jenayah siber. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) dengan kerjasama Cyber Security Malaysia (dahulunya dikenali sebagai NISER), terdapat peningkatan ketara dalam kejadian pembulian siber di Malaysia dari tahun 2007 hingga tahun 2011.



1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Buli siber merupakan satu fenomena baru yang semakin menular di luar negara selaras dengan kemajuan teknologi masa kini. Peristiwa yang mendapat perhatian disebabkan jenayah buli siber antaranya ialah kes Amanda Todd dan Tyler Clementi yang memilih untuk membunuh diri disebabkan tekanan perasaan (Six Unforgettable CyberBullying Cases, 2014). Ia cukup membuktikan bahawa jenayah buli siber boleh membawa kesan yang amat buruk kepada mangsa buli terutamanya golongan remaja dan persepsi masyarakat kepada individu yang terlibat. Penggunaan media sosial tanpa budaya sivik dalam kalangan pelajar telah menjerumuskan ramai pelajar IPTA dalam kancuh buli siber. Buli secara maya boleh dilakukan dalam muatnaik perkataan kejam, gambar dan video mangsa bagi menggugat, menghasut, fitnah, membalas dendam sehingga pemangsa merasakan dirinya hebat dan berkuasa. Durasi pantas semua maklumat boleh disebarluaskan dalam kadar pantas dengan jangkauan seluas dunia. Antara faktor buli siber berlaku dalam awal dewasa ialah cemburu, menanggapi perhatian kawan media sosial, kapasiti 'jaguh' atau gengster dalam media sosial. Kajian terdahulu lebih mefokuskan kepada fenomena buli dalam kalangan remaja, pelajar sekolah dan pengguna media massa. Manakala, amat kurang kajian berkaitan isu buli siber dalam kalangan pelajar UPSI.

Kes buli siber yang berlaku dalam negara kita dilihat semakin hari, semakin membimbangkan, Setahun yang lalu, negara kita pernah dikejutkan dengan perlakuan buli siber oleh segelintir masyarakat di negara kita terhadap mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris yang terdiri daripada pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama tokoh masyarakat yang disegani iaitu Ustaz Ebit Lew. Kejadian tersebut telah menyebabkan



laman sosial twitter '*trending*' di mana rata-rata pengguna media sosial memberi sokongan terhadap tindakan yang dilakukan oleh pendakwah bebas itu yang menyediakan beberapa buah bas sebagai perkhidmatan menghantar pulang pelajar yang terkandas di universiti ekoran penularan wabak Covid-19. Sebelum ini, Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengeluarkan kenyataan dengan menyifatkan tindakan Ebit Lew tidak melalui saluran yang betul dan tidak mendapatkan kebenaran daripada pihak Universiti terlebih dahulu. Akibat daripada eksiden terbabit, ianya telah mencetuskan kontroversi yang begitu hangat dan ini amat membimbangkan kerana sasaran pembuli siber ini tanpa memilih umur, jantina serta jawatan seseorang. Keadaan yang berlaku ini telah memberikan kesan yang tidak baik terhadap psikologi dan emosi mangsa.

Di samping itu, Menurut Grube (2012) kegiatan buli yang dilakukan di media sosial lebih senang dilakukan kerana tidak perlu mempaparkan nama pembuli, tidak perlu berhadapan secara bersemuka dengan mangsa dan tidak perlu melihat tindak balas mangsa (Donegan, 2012) kerana mereka hanya bersembunyi disebalik skrin komputer sahaja. Kajian kualitatif oleh Mokhlis, S. (2019) yang meneroka pengalaman buli siber dua pelajar perempuan di sebuah sekolah menengah di Terengganu menunjukkan bahawa responden melaporkan mengalami kejadian buli siber di luar persekolahan, walau bagaimanapun ia turut memberi kesan di sekolah.

Selain itu, bentuk buli siber yang biasa dialami oleh responden termasuk penyamaran identiti, mesej yang mengancam, ancaman berterusan dan kandungan lucah dalam media sosial. Campbell, Slee, Spears, Butler, dan Kift (2013), Cross et al. (2011), Smith et al. (2008), dan Tokunaga (2010) berpendapat walaupun kebanyakan pelajar yang



mengalami pembulian siber berbuat demikian di luar kawasan sekolah dan di luar waktu persekolahan tetapi kesan tingkah laku mereka biasanya turut muncul di sekolah. Oleh itu, Ackers (2012) menyatakan sama ada sedar atau tidak kejadian buli siber turut memerlukan campur tangan pihak sekolah agar tidak terlepas pandang akan isu ini. Ahlfors (2010) pula mengingatkan bahawa serangan buli siber secara berterusan memberikan akibat yang negatif kepada mangsa. Sementara Campbell et al. (2012) mendapati data temu bual ke atas pelajar di Australia menunjukkan bahawa kebanyakan golongan muda berpendapat buli siber adalah jauh lebih berbahaya daripada buli tradisional dan memberikan kesan yang besar dalam kehidupan mereka. Bagi hal ini, Ahlfors (2010) menegaskan satu perkembangan malang daripada pembangunan teknologi komunikasi ialah kemunculan buli siber yang juga dirujuk sebagai “buli elektronik”. Beliau berkata angkara kejahatan dan kenakalan manusia, teknologi menjadi satu beban kepada manusia. Campbell et al. (2013) menegaskan kebimbangan terhadap buli siber adalah berasas apabila hanya 26% daripada pembuli siber berfikir tindakan mereka tidak mempunyai apa-apa kesan terhadap kehidupan mangsa.

Menurut laporan dari Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), Malaysia menduduki tempat kedua di Asia bagi isu buli siber yang berlaku dalam kalangan remaja pada tahun 2021. Hal ini menunjukkan bahawa kes buli siber semakin mengundang masalah di negara ini. Penggunaan secara meluas platform media sosial telah mencetuskan lagi masala buli siber dan tingkah laku toksik bukan sahaja dalam kalangan remaja, malah turut melibatkan golongan dewasa. Hasil kajian mendapati bahawa tingkah laku sedemikian mungkin merupakan manifestasi kesedihan mereka sendiri akibat kehilangan tuntutan teras yang menjadi matlamat hidup mereka. Menurut teori alternatif

William Glasser (1965), matlamat in termasuklah kelangsungan hidup, penerimaan untuk dicintai, disayangi, dan untuk menjadi sesuatu yang bernilai, bertenaga, berdikari, dan disukai. Hal ini juga selari dengan teori keperluan Maslow (1943) yang menggalakkan permintaan teras yang serupa. Teori alternatif matlamat yang dibangunkan oleh penganalisis buli siber Amerika, William Glasser itu mencadangkan bahawa semua individu mempunyai lima kehendak asas yang mempengaruhi pilihan tingkah laku mereka dalam kehidupan.

Apabila satu atau lebih daripada kehendak asas mereka tidak dipenuhi, mereka mungkin menjadikan buli siber sebagai teknik untuk memenuhi keperluan matlamat tersebut sehingga kes buli siber bukan sahaja dipromosikan oleh anak muda, malah turut berlaku dalam kalangan orang dewasa. Pelbagai siri webinar telah dibentangkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menangani kebimbangan yang mempengaruhi masalah buli siber, terutamanya dalam kalangan remaja bawah umur. Antara isi kandungan webinar tersebut menekankan bahawa pelaku buli siber mengalami kadar kesunyian yang lebih tinggi. Hal ini disebabkan oleh kurangnya kasih sayang daripada ahli keluarga dan dipengaruhi oleh budaya sekeliling. Mereka melakukan percubaan untuk mencari perhatian daripada orang yang tidak dikenali terutamanya dalam kalangan pengguna Internet, seperti yang dilaporkan dalam statistik UNICEF. Siri webinar yang kerap dijalankan oleh NGO juga membentangkan isu yang sama, iaitu mereka datang daripada keluarga yang bermasalah, selain penerimaan rakan sebaya dan mahukan populariti menyebabkan mereka bertindak "mengambil bahagian" dalam isu buli siber. Kajian telah mendedahkan bahawa pembuli siber lazimnya merupakan individu yang tidak cekap dari segi sosial. Perkongsian webinar berkenaan buli siber itu turut mengetengahkan pengalaman kaunselor yang

menangani pelbagai jenis kes buli siber dalam kalangan remaja daripada usia seawal 15 tahun serta cara melibatkan diri dengan sokongan lencana untuk menghentikan gangguan it daripada terus merebak.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, terdapat beberapa persoalan kajian yang dikenal pasti oleh pengkaji. Persoalan-persoalan yang telah dikenal pasti oleh pengkaji dijadikan sebagai panduan untuk mengkaji dan merungkaikan permasalahan yang timbul. Antara persoalan kajian yang timbul adalah seperti berikut :

i. Apakah tahap dan jenis buli siber yang dihadapi oleh mahasiswa di UPSI?

ii. Sejuahmanakah impak buli siber terhadap emosi mahasiswa UPSI

iii. Apakah solusi atau langkah terbaik baik mengatasi masalah buli siber

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menjawab permasalahan kajian yang telah diuraikan di atas, objektif yang berikut ditetapkan sebagai landasan kajian:

i. Apakah tahap dan jenis buli siber yang dihadapi oleh mahasiswa di UPSI?

ii. Sejuahmanakah impak buli siber terhadap emosi mahasiswa UPSI

iii. Apakah solusi atau langkah terbaik baik mengatasi masalah buli siber

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Setiap kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk memberikan sesuatu kesan yang lebih baik lagi terutamanya kepada masyarakat dan juga negara. Berdasarkan kajian yang

dijalankan kebiasaannya mempunyai tujuan serta kepentingan tertentu untuk memudahkan kepada masyarakat bagi mendapatkan maklumat yang lebih terkini serta dapat dijadikan sebagai rujukan bagi mencari penyelesaian terhadap sesuatu isu yang berlaku dalam masyarakat serta negara. Justeru itu, dengan adanya kajian seperti ini ianya mampu memberikan pendedahan serta pengetahuan baru mengenai kajian yang telah dilakukan.

Di samping itu juga, dengan adanya kajian ini ianya dapat memastikan pihak-pihak yang tertentu dapat mengambil tindakan yang lebih pantas dalam membendung permasalahan buli siber yang berlaku terutamanya terhadap mahasiswa IPTA khususnya. Perkembangan kemajuan teknologi maklumat yang begitu pantas mengakibatkan generasi masa kini mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang negatif tanpa mempedulikan kesan yang meimpa terhadap mangsa. Oleh itu, melalui kajian ini juga diharapkan dapat meingkatkan kesedaran orang awam mengenai bahanya buli siber kerana ianya dapat mempengaruhi emosi dan psikologi seseorang lebih-lebih lagi terhadap mahasiswa dalam negara kita lebih-lebih lagi mendepani dengan cabaran dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Emosi yang tidak terkawal boleh menyebabkan mahasiswa ini bertindak untuk mencederakan diri sendiri seterusnya membawa mereka untuk membuat keputusan yang tidak rasional sekaligus menjejaskan pelajaran mereka di peringkat universiti ini.

Dengan berhasilnya kajian ini, diharap dapat memberikan kepentingan kepada beberapa pihak diantaranya ialah Dengan adanya kajian ini, dapat membantu kerajaan dalam membanteras gejala buli siber ini. Kepentingan kajian ini juga, akan dapat memberikan informasi-informasi dan data-data kepada Kementerian-kementerian dan

Jabatan-jabatan yang tertentu di Malaysia. Dengan adanya kajian ini juga, dapat memberikan kepentingan terhadap Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana dengan kajian ini dapat membuka mata semua pihak untuk membantu mahasiswa yang mengalami masalah tersebut. Diharap dengan adanya kajian ini dapat memberikan kesedaran terhadap bahayanya impak emosi akibat buli siber ini kepada mahasiswa dan boleh membawa kemurungan. Kepentingan kajian ini juga ialah dapat memberikan pengalaman kepada pengkaji dan juga dapat memberikan pengajaran yang sangat berkesan untuk pengkaji. Kajian ini juga, diharap menjadi suatu kajian yang cemerlang.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk dijadikan sebagai rujukan tambahan kepada pengkaji-pengkaji lain yang mungkin ingin melakukan kajian yang berkaitan dengannya.

Kajian yang ingin dilakukan pastinya memerlukan banyak rujukan untuk dibuat perbandingan. Hal ini demikian kerana, pengkaji lainnya pasti akan berusaha untuk menghasilkan kajian yang lebih baik dan terkini. Dengan demikian, kajian yang dilakukan ini akan menambah rujukan baru kepada pengkaji lain dan dalam masa yang sama dapat memberikan gambaran terkini mengenai tajuk kajian ini. Melalui kesedaran ini juga, secara tidak langsung dapat membantu dalam membasmi permasalahan yang berlaku dalam negara kita ini.

1.6 SKOP KAJIAN


Kajian yang dijalankan adalah meliputi mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pengkaji memilih untuk mendapatkan sampel kajian daripada mahasiswa UPSI di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah dan Kampus Sultan Azlan Shah. Kajian ini dilakukan untuk melihat impak emosi kerana buli siber. Seperti yang sedia maklum kes yang

melibatkan MPP UPSI dan Ustaz Ebit Lew. suatu kenyataan MPP UPSI yang dapat disimpulkan bahawa pihak UPSI berterima kasih atas bantuan UEL, namun begitu tidak berapa bersetuju dengan prosedur SOP semasa wabak COVID-19. Dalam kenyataan sama, VC UPSI juga menasihati UEL supaya meminta maaf secara terbuka. Tindakan ini telah menyebabkan wargamaya mengamuk dan tlg memberi komentar negatif kepada UPSI dan pengurusannya. MPP UPSI telah berlaku kesilapan. Sepatutnya perkara yang baik harus di tolong dan bukannya disuruh minta maaf. Namun begitu, isu ini telah dipermainkan oleh wargamaya dan telah menyebabkan bukan setakat organisasi MPP yang dikecam, bahkan seluruh ahli MPP dikecam sehingga terdapat serangan peribadi dilakukan terhadap mereka. Oleh itu ianya bersesuaian dengan kajian yang dilakukan iaitu buli siber di mana semakin ramai penduduk semakin tinggi penggunaan internet. Seterusnya menyebabkan mereka mudah untuk mengakses laman-laman sosial dan secara tidak langsung terjebak dalam buli siber ini. Sampel dipilih adalah melalui peringkat umur dewasa antara 18 tahun sehingga 25 tahun yang terdiri daripada mahasiswa UPSI bagi menjawab soalan yang diedarkan secara soal selidik. Pemilihan umur ini bersesuaian dengan kes buli siber yang berlaku kerana kebanyakan pembuli dan mangsa buli terdiri daripada peringkat umur ini. Di samping itu, borang soal selidik yang diedarkan adalah kepada mahasiswa lelaki dan perempuan tanpa memilih jantina. Seterusnya, bagi mengelakkan berlakunya ralat persampelan, pengkaji memilih untuk mengambil saiz sampel yang bersesuaian dengan kelompok atau kumpulan yang terpilih untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Oleh itu, pengkaji menggunakan saiz sampel Cohen, Minion & Morrison (2001) bagi menetapkan jumlah sampel yang diperlukan bagi menjawab soal selidik ini. Seramai 300

orang yang diperlukan untuk menjawab kajian ini seterusnya mendapatkan data yang lebih terkini untuk dijadikan panduan dan rujukan oleh orang lain.



Rajah 1.6.1 Peta Lokasi UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah



Rajah 1.6.2 Peta Lokasi UPSI, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

1.7 DEFINISI ISTILAH

Berdasarkan tajuk kajian yang dikaji, pengkaji telah menggunakan beberapa istilah yang perlu diketahui dan difahami oleh semua masyarakat. Penggunaan istilah ini amat penting bagi memudahkan masyarakat dalam memahami setiap konsep yang digunakan. Bukan itu sahaja, pembaca juga dapat memahami dengan jelas apakah istilah yang telah digunapakai dalam kajian ini.

1.7.1 BULI SIBER

Menurut Brady (2010), buli siber diterangkan sebagai penggunaan komunikasi berasaskan teknologi termasuk penggunaan telefon bimbit, emel, sistem mesej segera dan jaringan sosial yang bertujuan untuk menimbulkan gangguan atau ugutan terhadap individu lain secara dalam talian.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) (2012), buli siber ialah cara menggunakan alat komunikasi dengan menghantar mesej yang tidak baik, mengeji, memalukan dan memfitnah seseorang dengan membuat ugutan, gangguan seksual serta menyebarkan gambar yang menjatuhkan maruah seseorang individu.

Menurut Maslin Masrom & Nadia Jamal (2012), buli siber ialah satu perbuatan gangguan melalui penggunaan aplikasi alat teknologi seperti telefon dan komputer bertujuan untuk membuli, mengganggu, mengugut serta memalakan seseorang individu.

Di samping itu, menurut Che Hasniza & Mohd Yusri, (2014), perbuatan buli siber bukan sesuatu gejala yang sihat kerana boleh memberi kesan negatif kepada mangsa terutama dari segi mental dan emosi. Dalam konteks buli siber di alam maya, kebiasaannya

pembuli siber sukar dikenalpasti kerana pembuli selalu tidak mendedahkan identiti sebenar mereka.

Kesimpulannya, buli siber adalah perbuatan yang mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej teks (*SMS*), *chatting*, *e-mel*, laman web sosial, telefon bimbit atau permainan internet.

1.7.2 MAHASISWA

Menurut Santoso (2012), mahasiswa adalah orang yang belajar di kolej, sama ada universiti, institute atau akademi. Mereka yang berdaftar sebagai pelajar dalam pengajian tinggi boleh dipanggil sebagai mahasiswa. Menurut Zainal Abidin (dalam Noria Nuwin, 2016). Adalah kata dasar kepada ‘pelajar’ yang bermaksud dididik, dilatih, dipelihara, diasuh, dibimbing, dihukum, dipukul, dan dimarah. Pelajar pula didefinisikan sebagai penuntut, murid, orang yang sedang mengaji, orang yang menyelidik ilmu, mahasiswa atau mahasiswi, kadet anak murid atau anak sekolah. Pelajar adalah golongan yang belajar atau menuntut di sekolah, maktab atau universiti. Berdasarkan kajian ini, mahasiswa didefinisikan sebagai individu yang menuntut ilmu dan sedang melanjutkan pelajaran pada peringkat universiti. Oleh itu, mahasiswa yang dimaksudkan menerusi kajian ini ialah mahasiswa dan mahasiswi yang sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dipilih sebagai responden kajian ini.

1.7.3 SISTEM INTERNET

Sistem adalah suatu kesatuan dan gabungan yang terdiri komponen atau elemen yang dihubungkan bersama untuk memudahkan aliran informasi, materi atau energy. Manakala internet adalah satu rangkaian yang dibina dengan menyambungkan rangkaian computer

di antara satu sama lain (Deris Stiawan, 2005). Ia juga merupakan gabungan kecil yang membentuk sebuah rangkaian yang besar dengan menggunakan protocol yang sama. Internet juga turut mengandungi pelbagai web, blog, portal berita yang boleh diakses oleh orang awam.

1.8 ORGANISASI BAB

Penyusunan penulisan disertasi amat penting terutamanya berkenaan dengan kualitinya selain dapat memudahkan pembaca untuk memahami penulisan ilmiah ini. Justeru, kajian ini disusun dan dibahagikan kepada enam bab mengikut urutan proses kajian.

Bab 1 adalah Pengenalan yang membincangkan tentang proses awal untuk melaksanakan kajian. Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyusun proses tersebut bermula daripada pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kawasan kajian, definisi operasional dan organisasi penulisan dalam disertasi ini.

Bab 2 pula merupakan bahagian yang menerangkan tentang kajian lepas berkenaan isu-isu buli siber terutamanya melibatkan pelajar sekolah dan juga mahasiswa di Malaysia ini. Isu-isu ini dikupas berdasarkan hasil daripada pembacaan maklumat yang terdapat di dalam bahan bacaan yang telah diterbitkan seperti buku-buku, jurnal, makalah, tesis, kertas seminar, surat khabar, rencana, media elektronik dan sebagainya. Justeru bahagian ini juga dikenali sebagai kajian literatur. Rumusan juga dibuat pada penghujung bahagian ini.

Bab 3 merupakan bahagian yang menjelaskan berkenaan dengan metodologi atau kaedah kajian. Dalam kajian ini, telah dipecahkan kepada 5 proses iaitu reka bentuk kajian,

kaedah pemilihan sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, prosedur pengumpulan data dan kaedah menganalisis data. Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif, kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik. Bagi kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah tinjauan soal selidik yang diedarkan kepada responden.

Bab 4 pula akan menghuraikan tentang objektif-objektif yang telah digariskan iaitu pertamanya adalah iaitu mengkaji impak emosi dalam kalangan mahasiswa UPSI yang terlibat dalam masalah buli siber. Justeru, perkara yang akan dihuraikan adalah berkaitan dengan impak emosi mahasiswa UPSI dalam masalah buli siber yang berlaku dalam negara kita ini terutamanya terhadap pelajar IPTA di Malaysia ini. Hasil dapatan objektif pertama juga dianalisis dalam bab 4 ini iaitu apakah tahap dan jenis buli siber yang dihadapi oleh mahasiswa UPSI. Dalam objektif kedua ini akan menghuraikan sejauhmanakah impak buli siber terhadap emosi mahasiswa UPSI. Objektif ketiga iaitu apakah solusi dan langkah bagi mengatasi masalah buli siber. Analisis bagi data tersebut juga dinyatakan dalam bahagian ini.

Bab 5 adalah bahagian perbincangan dan cadangan penambahbaikan bagi membantu para pengkaji baru untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih berkesan melalui metodologi yang digunakan sekali gus dapat mencari penyelesaian yang terbaik dalam menangani isu buli siber yang berlaku dalam kalangan mahasiswa IPTA di Malaysia. Cadangan yang disenaraikan adalah berdasarkan masalah yang berlaku bagi memastikan masalah buli siber ini dapat dibendung secara berperingkat dan seterusnya melahirkan masyarakat yang bebas daripada belenggu permasalahan ini.

Bab 6 adalah merupakan bahagian rumusan iaitu bahagian terakhir dalam disertasi ini. Bahagian ini akan mengolah keseluruhan kajian ini.